



**MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA
NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS MALAYSIA (NCWO)
(MEMBER OF ASEAN CONFEDERATION OF WOMEN'S ORGANISATIONS)**

46, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: (603) 7954 3008 Faks: (603) 7954 2881
Laman Web: www.ncwomalaysia.org.my E-mel: ncwohq@gmail.com

NCWO.OG.2020/12/153

11 Disember 2020

YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin
Menteri Dalam Negeri
Kementerian Dalam Negeri
Kompleks Kerajaan Parcel D, Persiaran Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Shah
Presinct 1, 62000 Putrajaya

Assalamualaikum YB Dato' Seri,

PANDANGAN NCWO TENTANG KERAKYATAN ANAK YANG DILAHIR DI LUAR NEGARA OLEH IBU YANG BERKAHWIN DENGAN WARGANEGARA ASING

NCWO yang mewakili lebih 200 pertubuhan wanita di peringkat kebangsaan dan negeri memandang berat kenyataan YB Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Mohamed Said, Timbalan Menteri Dalam Negeri, berkaitan pendaftaran sebagai warganegara anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing. Kenyataan yang menafikan hak ibu tersebut mendaftarkan anak sebagai seorang warganegara Malaysia atas alasan **keselamatan negara**, pada pandangan NCWO adalah keterlaluan, berbau diskriminasi dan sudah lapuk.

Kenyataan yang menyifatkan membenarkan ibu mendaftarkan bayi sebagai warganegara akan menyebabkan masalah keselamatan dan kedaulatan negara amat dikesali. Ianya telah melahirkan rasa ketidak puasan hati di kalangan kaum ibu yang pastinya merasakan hak mereka sebagai ibubapa dinafikan. Ia juga merupakan diskriminasi gender kerana *dual citizenship* juga boleh berlaku jika pasangan adalah wanita yang berkerakyatan asing.

Dizaman moden ini ramai ibu merupakan ketua rumah, terutamanya apabila bapa meninggalkan keluarga. Justru peranan ini tidak semestinya ditanggung oleh bapa sahaja. Juga, ibu yang menghadapi keretakan rumah tangga menanggung beban yang berat dalam kes perceraian dan hak menjaga apabila anak-anak tidak mempunyai kewarganegaraan di tanah air.

Dari segi hak kanak-kanak, Malaysia yang menandatangani Konvensyen Hak Kanak-kanak seharusnya mematuhi hak bayi mendapat kewarganegaraan supaya bayi tersebut mendapatkan taraf kesihatan dan pendidikan yang sama dengan warganegara Malaysia yang lain. Kanak-kanak tidak harus menjadi mangsa di dalam kemelut isu pemberian hak warganegara ini.

Pandemik COVID19 menunjukkan betapa penting undang-undang dipinda kerana sekatan pergerakan menurunkan atau menghalang terus peluang untuk pulang melahirkan anak di negara sendiri.

Di kebanyakan negara seseorang boleh didaftarkan sebagai warganegara sekiranya salah seorang ibubapanya adalah warganegara contohnya Australia dan New Zealand. India juga membenarkan bayi yang dilahirkan oleh ibu warganegara India didaftarkan dengan syarat bayi itu tiada apa-apa kewarganegaraan lain dalam tempoh setahun dari tarikh lahirnya. Malangnya Malaysia merupakan satu daripada 25 negara dalam 195 negara yang masih tidak memberi hak yang sama antara laki-laki dan perempuan dalam pemberian kerakyatan secara otomatis kepada anak-anak.

Malaysia telah mencatat banyak kejayaan tentang isu *non discrimination* berdasarkan gender, terutamanya dengan pindaan Artikel 8 (2) Perlembagaan Persekutuan dan menandatangani *Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) dan *Beijing Platform for Action*. NCWO bersyukur dan berterima kasih kerana banyak dasar dan program telah digubal dan dilaksanakan untuk memperkasa dan mengiktiraf peranan wanita yang sama dengan laki-laki dalam pembangunan negara. Justru NCWO menyeru supaya undang-undang lapuk berkaitan hak memberi kerakyatan kepada anak dipinda untuk mencerminkan kedudukan Kerajaan dalam hal *non discrimination* berdasarkan gender.

NCWO berpendapat sudah sampai masanya undang-undang kewarganegaran (Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan) dipinda untuk membolehkan seorang ibu warganegara Malaysia diberikan hak yang sama seperti seorang bapa untuk mendaftarkan bayi secara otomatis sebagai warganegara Malaysia tanpa mengira lokasi kelahiran dan kerakyatan suami. Adalah tidak adil bagi kanak-kanak tersebut perlu memohon kerakyatan menurut Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Disamping itu perundangan boleh diwujudkan untuk menghalang *dual citizenship*.

NCWO mengharap sangat pindaan ini dibuat dengan segera kerana perkara ini sudah berlanjutan sejak zaman merdeka. Saya akhiri dengan ucapan terima kasih diiringi doa semoga YB Dato' Seri sentiasa dilindungi Allah dan diberkati kesihatan dan kekuatan menjalankan tanggungjawab bagi kami semua.

Terima kasih.



Prof Emerita Tan Sri Dato' Seri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Yang Dipertua NCWO Malaysia